

WSM Mengorak Langkah

WSM telah mengorak langkah ke hadapan bagi bidang pendidikan apabila perbincangan bersama pihak Jawatankuasa WSM dan pihak Lembaga Sek. Ren. Agama Al-Huda, Gombak telah berjaya diadakan pada 1 April 2014. Pertemuan ini adalah bagi membincangkan ruang dan peluang bagi WSM merealisasikan impian penubuhan sebuah sekolah berkonsepkan wakaf



Kutipan Dana WSM Disember 2013 hingga Mac 2014

TAHUN	BULAN	JUMLAH
2013	Disember	1,796,693.78
2014	Januari	346,585.36
	Februari	398,145.64
	Mac	692,573.31
Jumlah Kutipan 4 bulan		3,233,998.09
Dana Semasa WSM sehingga 31/3/14		5,687,238.39



Perkembangan Projek WSM Disember 2013 hingga Mac 2014

No	Jenis Bantuan Wakaf	Jumlah Diluluskan	Pemohon	Status
1	Peralatan Asrama (Katil , Tilam dan Almari)	RM 17,240.00	Sek.Ren. Islam Integrasi As-Syakirin, Bangi	Majlis penyerahan pada 12/12/2013
2	2 Mesin dialisis untuk pesakit miskin	RM80,000.00	Pusat Dialisis Islam Makmur, Kuantan	Majlis penyerahan pada 7/3/2014
3	Sebuah bilik darjah dan kelengkapan belajar	RM 95,600.00	Sek. Ren. Agama Darus Sa'adah, Ijok	Di dalam proses pembinaan
Jumlah Sumbangan		RM 192,840.00		

Wakaf Selangor Muamalat

esok masih ada?





Peralatan asrama untuk pelajar lelaki dan perempuan

Sekolah Rendah Islam As-Syakirin terletak di Bandar Seri Mahkota, Bangi telah menerima bantuan aset sumbangan WSM berupa 20 buah katil 2 tingkat, 40 buah tilam dan 20 buah almari 2 pintu. Jumlah keseluruhan sumbangan ini ialah **RM 17,240.00**, bakal dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar sekolah tersebut. Majlis penyerahan aset WSM telah dijalankan di peringkat urusetia WSM pada 12/12/2013. Sekolah ini menawarkan silibus pembelajaran berasaskan akademik, agama dan tahfiz.



2 Mesin Dialisis untuk pesakit miskin



2 buah mesin dialisis telah disumbangkan kepada **Pusat Dialisis Islam Makmur (PHIM), Kuantan** berjumlah **RM 80,000.00** pada 7/3/2014. Pihak PHIM akan mengenakan caj minimum serendah RM20 – RM100 bagi setiap pesakit miskin mengikut kemampuan masing-masing. Caj ini hanya menampung kos asas yang ditanggung oleh pihak PHIM. Caj biasa bagi sekali rawatan ialah sekitar RM230 hingga RM300.



Pembangunan dan kelengkapan Sekolah Rendah Agama

Jawatankuasa Pengurusan Bersama WSM telah meluluskan sumbangan sebahagian daripada infrastruktur **Sek. Ren. Agama Darus Sa'adah, Ijok** iaitu sebuah bilik darjah serta kelengkapan pembelajaran berjumlah **RM 95,600.00**. Majlis penyerahan sumbangan ini akan diadakan selepas proses pembinaan selesai dijangka pada awal tahun 2015. Sehingga kini, pihak sekolah terpaksa menempatkan pelajar mereka di sekolah kebangsaan berdekatan.



Sebarang pertanyaan



Unit Pengurusan Wakaf dan Sekretariat,
Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad,
Tingkat 20, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur

sila hubungi:



Emel: shariahenquirygroup@muamalat.com.my
Tel: 03-2698 8787 Samb: 1245/ 1267/ 2822
(Tn. Hj. Che Mazlan, Cik Wan Nuraihan & En. Abdul Aziz)